

**S:** Apakah pandangan Dr terhadap komitmen yang dilakukan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam memupuk rasa cintakan kebudayaan dan kesenian bangsa dalam kalangan mahasiswa?

**J:** IPT pada hari ini banyak menyediakan ruang dan peluang kepada mahasiswa untuk menceburkan diri dalam aktiviti berbentuk kebudayaan dan kesenian sama ada di dalam mahupun di luar kampus. Antaranya seni muzik seperti gamelan, muzik asli, keroncong, kompang, rebana ubi, gendang 24 musim, orchestra, gitar klasik, brass band; seni tari (tari tradisional, tari kotemporari dan moden), seni tampak (seni arca, seni lukis, seni khat dan fotografi), seni lakon (teater, bangsawan dan penulisan skrip), pengurusan seni (pengurusan seni persembahan, pengurusan teknikal & pengacaraan majlis), seni suara/vokal (nasyid, koir, muzik moden, asli & dikir barat), seni mempertahankan diri dan seni sastera (pantun & puisi). Aktiviti anjuran pusat atau unit kebudayaan ini secara tidak langsung mendedahkan mahasiswa untuk mengasah bakat dan menonjolkan diri melalui aktiviti yang dipilih berdasarkan minat dan kebolehan mereka. Komitmen yang diberikan oleh pihak pengurusan universiti, tenaga pengajar, staf kebudayaan dan mahasiswa yang terlibat memainkan peranan penting dalam menjayakan rasa cintakan terhadap kebudayaan dan kesenian bangsa yang 'tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas'. Ia juga boleh melahirkan rasa cinta rakyat kepada warisan dan kesenian negara, malah secara tidak langsung mahasiswa menjadi pelapis yang akan memartabatkan kebudayaan dan kesenian bangsa Malaysia.

**S:** Sebagai ahli dalam Majlis Kebudayaan Universiti Malaysia (MAKUM), bagaimana MAKUM melahirkan bakat-bakat dalam kalangan mahasiswa?

**J:** MAKUM ditubuhkan di bawah naungan Jawatankuasa Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti-Universiti Malaysia. Penubuhannya pada 11 Februari 1993 berlandaskan kesedaran untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh universiti berhubung dengan hal ehwal kebudayaan. Tujuan penubuhannya adalah untuk menyelaras dan menggalakkan aktiviti berbentuk seni, budaya dan kreatif oleh pelajar IPTA. Pada masa kini ia dianggotai oleh 20 universiti dan Pengerusi Sekretariat digilirkan antara anggota setiap dua tahun sekali. Terkini,

# IPT medan memartabatkan seni budaya

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) merupakan Pengerusi MAKUM bagi sesi 2011/2012 dan antara dasar MAKUM ialah menasihati, memimpin, menyelaras dan memantau perkara mengenai kebudayaan di IPT awam (IPTA), bertunjangan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

MAKUM juga bekerjasama membantu Kerajaan menerusi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK) bagi mencapai matlamatnya, iaitu melahirkan masyarakat yang bertamadun, beradab dan berbudaya Timur. Pelbagai aktiviti dirancang dan disusun dengan rapi setiap tahun dalam usaha MAKUM untuk melahirkan bakat-bakat dalam kalangan maha-

pemilihan di universiti atau kolej-kolej kediaman yang dilaksanakan oleh setiap pusat kebudayaan. Peringkat seterusnya, MAKUM memutuskan universiti yang akan menganjurkan aktiviti pertandingan pada peringkat MAKUM dan pada akhirnya setiap Pusat Kebudayaan, perlu menghantar wakil terbaik, bagi menyertai pertandingan yang telah dirancang. Di sinilah bermulanya proses penonjolan mahasiswa yang mempunyai bakat dan kebolehan dalam bidang yang diceburinya sebagai seorang pemain muzik, penyanyi, pelakon atau penari yang ada kelasnya tersendiri.

**U**niversiti bukan saja medan melahirkan insan yang berilmu, tetapi juga menjadi ruang untuk mahasiswa mengasah bakat dan kebolehan. Hari ini, kebolehpasaran graduan atau persaingan kerjaya menuntut mahasiswa untuk cemerlang dalam pencapaian akademik, selain memiliki pelbagai nilai tambah diri. Wakil Varsiti, Ihsan Noorzali mendapatkan pandangan Pengarah Pusat Kebudayaan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPS), Dr Ridzuan Hussin mengenai manfaat pembabitan mahasiswa dalam aktiviti kebudayaan di menara gading dan kesan tidak mencintai budaya sendiri.

siswa. Contohnya, Festival Teater di Universiti Malaya, Festival Nasyid di Universiti Kebangsaan Malaysia, dikir barat di Universiti Malaysia Kelantan, boria di Universiti Sains Malaysia, Festival Zapin di Universiti Putra Malaysia, Pesta Pantun di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, pertandingan cipta lagu & nyanyian solo lagu patriotik di Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Eksplorasi Ilustrasi Puisi & Fotografi di Universiti Malaysia Sabah. Proses melahirkan mahasiswa yang berbakat dalam bidang yang diminatinya memerlukan pengorbanan dari segi masa, wang ringgit yang tidak terkira banyaknya daripada kerajaan dan tenaga daripada semua pihak yang terlibat. Pada peringkat awal, ia bermula daripada pertandingan dan

**S:** Adakah mahasiswa bakal pendidik yang mempunyai kemahiran dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian berupaya membentuk peribadi pelajar sekolah menjadi modal insan kelas pertama?

**J:** Saya berpendapat adalah wajar dan menjadi kewajiban bagi setiap bakal pendidik (guru) sama ada ditempatkan di sekolah rendah atau menengah perlu mempunyai kebolehan atau berpengetahuan berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian sama ada mereka boleh melukis, menyanyi, menari, bercerita atau berlakon. Kesemua kemahiran ini boleh diperoleh daripada program yang disediakan oleh unit kokurikulum universiti. Bagi IPT, semua mahasiswa dididik supaya menjadi modal insan

antarabangsa. Pembabitan mereka dalam aktiviti kebudayaan di peringkat kolej kediaman, universiti atau MAKUM sentiasa dialu-alukan dan penonton akan teruja setiap kali mereka memberikan persembahan di atas pentas. Pertandingan pidato antarabangsa Bahasa Melayu pada 2 Mac 2012, sebagai contoh, yang di hadiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak telah membuktikan bahawa pelajar antarabangsa teruja dengan keunikan Bahasa Melayu dan dapat pula bertutur dengan begitu baik sekali serta berpakaian segar dan berlagak seperti orang Melayu. Pada masa

sekadar melepaskan batuk di tangga. Memang tidak dinafikan hanya segelintir saja yang terbabit sepenuh masa, dalam aktiviti kebudayaan yang dianjurkan oleh kolej kediaman atau universiti. Bagaimanapun, usaha ke arah memelihara, membudaya dan mengekalkan aktiviti kebudayaan masih terus dijalankan dari semasa ke semasa terutama oleh pusat kebudayaan, kolej-kolej kediaman dan pihak pengurusan universiti. Pendedahan aktiviti kebudayaan dan kesenian perlu dilakukan kepada mahasiswa kerana sedikit sebanyak dan lambat-laun akan membantu mahasiswa mengenal budaya warisan bangsa sekali gus membuka mata mereka kepada keunikan budaya masyarakat mereka sendiri. Pihak luar dan pengamal/penggiat seni yang terbabit sepenuh masa dengan kegiatan kebudayaan dan kesenian boleh membantu mahasiswa dengan cara pendekatan yang menjurus kepada minat dan cintakan seni. Tunjuk ajar dan bimbingan secara berterusan daripada mereka yang profesional akan dapat menyemarakkan lagi aktiviti kebudayaan dan kesenian di IPTA.

**S:** Apakah kesan pembabitan aktiviti kebudayaan pada peringkat universiti dari aspek nilai tambah atau kemahiran insaniah untuk mereka bersaing di pasaran kerjaya?

**J:** Satu daripada misi MAKUM ialah 'mengadakan jaringan kerjasama dalam bidang seni dan budaya dengan agensi berkaitan kebudayaan dan kesenian'. Ini membuktikan bahawa hubungan dengan pihak luar sentiasa di beri perhatian oleh pihak IPT seiring dengan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara yang menekankan aspek pembangunan holistik pelajar. Aktiviti kebudayaan dan kesenian berupaya memberikan nilai tambah dalam aspek kemahiran insaniah kepada mahasiswa. Petunjuk prestasi KPT juga ada menyasarkan agar mahasiswa seharusnya mempunyai daya saing dan potensi diri untuk terus maju dalam kesemua aspek kehidupan. Ini sudah pasti akan memberikan kelebihan buat graduan IPT apabila berada di alam pekerjaan nanti. Peluang pekerjaan (open market) bukan saja dinilai daripada keputusan (CGPA) akademik yang cemerlang semata-mata, tetapi juga penilaian ke atas pembabitan kokurikulum, termasuklah kebudayaan dan kesenian yang dipilih. Pembabitan mahasiswa melalui pertandingan yang dianjurkan sama ada di peringkat universiti, MAKUM, negeri atau kebangsaan ialah satu kelebihan apabila mereka menceburi alam pekerjaan kelak.



kelas pertama, sebelum mereka membentuk modal insan di peringkat institusi lain seperti sekolah, kolej dan sebagainya. Natijah daripada pendedahan dan pembabitan mereka di dalam aktiviti kebudayaan dan kesenian, tanpa mengira latar belakang mereka sama ada mereka merupakan mahasiswa daripada program kejuruteraan, perubahan, pendidikan al-Quran dan sunnah, komputer, seni visual, sains dan matematik, pertanian, perakaunan dan sebagainya, mahasiswa itu berupaya membentuk peribadi pelajar sekolah atau institusi lain menjadi modal insan kelas pertama.

**S:** Pelajar antarabangsa ternyata teruja dengan keunikan budaya pelbagai bangsa rakyat Malaysia dan berbangga apabila dapat berbahasa Melayu. Apakah pendapat tuan?

**J:** Hampir semua IPT awam mahupun swasta (IPTs) di Malaysia mempunyai pelajar

akan datang, amat menarik sekali sekiranya dapat melihat seni persembahan seperti teater atau dikir barat dipersembahkan dan dilakonkan oleh pelajar-pelajar antarabangsa.

**S:** Seseengah pihak menganggap mahasiswa hari ini tidak celik budaya dan hanya segelintir saja yang terbabit dalam aktiviti kebudayaan di kolej kediaman atau universiti?

**J:** Mungkin boleh kita katakan bahawa bukan mahasiswa saja yang tidak celik budaya, tetapi ada juga pihak-pihak tertentu yang terbabit sama. Ada yang menganggap kebudayaan tidak penting atau tidak perlu lagi pada era zaman dunia tanpa sempadan. Ada yang menganggap sudah ketinggalan zaman, tidak relevan lagi kepada kehendak dan kemahuan serta cita rasa generasi muda Y. Hari ini, peranan dan keprihatinan ibu bapa mahupun masyarakat terhadap aktiviti kebudayaan dan kesenian hanya